

# PM minta Tunku tidak memihak

Ucapan penuh muka 6

Lagi laporan dan gambar - gambar di muka 2, 5 dan 18

**K**UALA LUMPUR 17 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini secara terbuka meminta Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj menjadi orang tengah 'yang tidak memihak ke mana-mana' dalam usaha menyatupadukan semula orang-orang Melayu.

Permintaan tersebut dibuat di hadapan Tunku sendiri yang menghadiri Perhimpunan Agung UMNO bagi pertama kali sejak beliau menyertai Semangat 46 ekoran perpecahan UMNO selepas perhimpunan 1987.

Permintaan Datuk Sri Dr. Mahathir mendapat tepukan gemuruh para perwakilan dan pemerhati. Ada perwakilan yang mengalir air mata.

Harapan baru ke arah perpaduan ini turut didengar dan disaksikan oleh jutaan rakyat yang mengikuti ucapan Presiden UMNO itu yang disiarkan secara langsung oleh RTM.

## Laporan

**Khalid Mohd., Rosli Ismail, Badrul Hisham Aziz, Kamal Zailani, Hassan Mohd. Nor, Aziz Ishak, Rozaid Abd. Rahman, Omar Suib, Zaini Hassan, Gamal Masir Ali, Shamsul Bahari dan Razak Ali**

Para pemerhati menyifatkan permintaan terbuka Datuk Sri Dr. Mahathir dan kesediaan Tunku menghadiri Perhimpunan Agung hari ini sebagai petanda-petanda awal yang menunjuk ke arah pertautan semula antara orang Melayu yang meninggalkan UMNO dengan mereka yang meneruskan perjuangannya.

Kehadiran Tun Hussein Onn, juga bagi kali pertama sejak UMNO berpecah, menambah kepada usaha bertaut kembali, kata mereka.

Sambil meletakkan harapan ke atas Tunku, Datuk Sri Dr. Mahathir bagaimanapun mene-

gaskan bahawa Bapa Kemerdekaan itu hendaklah jangan memihak ke mana-mana, tetapi hanya kepada keseluruhan orang Melayu dan negara Malaysia.

"Insya-Allah perjuangan UMNO untuk menyatupadukan orang Melayu akan berhasil dengan pertolongan Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj," ujar beliau, sekali lagi tepukan bergemuruh.

Tunku yang jelas kelihatan terharu dengan layanan dan sanjungan yang diterimanya pagi ini. Semasa dihantar ke keretanya selepas perhimpunan ditangguhkan, beliau telah menitisakan airmata.

Dalam ucapannya yang bertemakan 'Kewibawaan UMNO', Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, UMNO terperanjat dengan kenyataan yang dikatakan dibuat oleh Tunku baru-baru ini.

Walaupun tidak disebutnya, adalah jelas apa yang dimaksudkan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir ialah kenyataan Tunku yang meminta orang Melayu menghapuskan UMNO pimpinan beliau.

"Walaupun pada mulanya ramai pemimpin dan ahli UMNO berasa amat marah, tetapi kita berjaya membendung rasa kecil hati kita.

"Sebaliknya kita bertenang dan mengambil jalan yang lebih matang iaitu dengan cara berbincang dari hati ke hati dengan Yang Teramat Mulia Tunku sendiri," jelas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, selepas Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO menemui Tunku, beliau sendiri berbuat demikian.

## Peluang

Presiden UMNO itu berkata, dalam pertemuan dengan Tunku, beliau menjelaskan sedikit-sebanyak berkenaan dengan kedudukan UMNO sekarang dan bagaimana Parlimen tidak berkuasa membatalkan hukuman yang telah dibuat oleh mahkamah (pengharaman UMNO).

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, pertemuan tersebut membuka peluang untuk perbincangan-perbincangan di masa depan dalam usaha mententeramkan lagi keadaan politik Malaysia, khususnya kalangan orang Melayu.